

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 5-2014

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang telah diperbadankan pada 22 Mei 2004. Perayu menjalankan perniagaan mengilang dan mengeluarkan barangan *mixer, dissolver, mill, homogenizer, tank and reactor, waste solvent recovery and vacuum system, dust collector, spray booth and hot box, customized design, fabrication and automation for machines* untuk pasaran tempatan dan eksport.
2. Pada 26 Mac 2013 Perayu telah mengimport dagangan *gearbox* dan *motor* dengan menggunakan kontena melalui Pelabuhan Klang, Selangor. Dagangan tersebut berjumlah 22 unit diimport dalam 16 kotak dengan berat keseluruhan 8,466.00 kilogram dan telah diikrarkan dalam Borang Kastam No. 1 bernombor B18103024556. Duti import sebanyak RM78,071.71 dan cukai jualan sebanyak RM59,854.98 (jumlah keseluruhan RM137,926.69) telah dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
3. Berdasarkan peruntukan seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 dan seksyen 29 Akta Cukai Jualan 1972, Perayu telah memberi notis dalam Borang Kastam No. 1 tersebut untuk menuntut ambilan balik duti import dan cukai jualan yang telah dibayar .
4. Dagangan *gearbox* dan *motor* berkenaan telah dieksport semula bersama-sama dengan *tank agitator* dalam dua konsainmen yang berlainan, melalui Borang Kastam No. 2 bernombor B10204023027 pada 30 April 2013 dan Borang Kastam No. 2 bernombor B18206007241 pada 11 Jun 2013. Sekali lagi Perayu telah memberi notis dalam setiap borang tersebut dengan menyatakan hasratnya untuk menuntut ambilan balik duti import dan cukai jualan yang telah dibayar.

Dalam kedua-dua Borang Kastam No. 2 tersebut, *invois* dan *packing list* nya dicatat dengan perkataan *re export back to origin after testing*.

5. Pada 9 September 2013 melalui Borang Tuntutan Pulang Balik JKED No. 2 bernombor 754471 dan 754472, Perayu telah mengemukakan tuntutan ambilan balik duti import dan cukai jualan berjumlah RM137,926.69 kepada JKDM, Selangor di bawah seksyen 93 Akta Kastam 1967 dan seksyen 29 Akta Cukai Jualan 1972.
6. JKDM, Selangor hanya meluluskan tuntutan ambilan balik duti import dan cukai jualan bagi konsainmen yang telah dieksport semula pada 11 Jun 2013. Bagi konsainmen yang dieksport semula pada 30 April 2013, tuntutan ambilan balik duti import dan cukai jualan ditolak atas alasan Perayu gagal mematuhi seksyen 93(1)(e) Akta Kastam 1967 dan peraturan 18(1)(b) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 1972 yang mensyaratkan tuntutan ambilan balik hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan dari tarikh dagangan dieksport semula.
7. Pada 18 Mac 2014 Perayu telah membuat rayuan bertulis kepada Ketua Pengarah Kastam di atas jumlah RM69,171.19 yang ditolak oleh JKDM, Selangor dengan memberi alasan Perayu tidak mengetahui syarat tersebut. Perayu juga menyatakan agen penghantaran yang dilantik menguruskan konsainmen import dan eksport iaitu Advance Logistics Sdn. Bhd. juga tidak ada memberitahu bahawa tuntutan ambilan balik mesti dibuat dalam masa 3 bulan dari tarikh eksport semula.
8. Melalui surat bertarikh 18 April 2014, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Cawangan Perakaunan Hasil, Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya (bagi pihak Ketua Pengarah Kastam) telah memaklumkan Perayu bahawa rayuan ditolak.
9. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan bertarikh 18 April 2014 itu dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 16 Mei 2014.

ISU

Sama ada tuntutan ambilan balik duti import dan cukai jualan yang dikemukakan selepas tempoh tiga bulan dari tarikh pengeksportan semula dagangan boleh diluluskan.

(Pada tarikh sebutan 9 Jun 2014, Responden memaklumkan bahawa kedua-dua pihak telah mengadakan rundingan penyelesaian pada 3 Jun 2014 dan 6 Jun 2014 di mana Perayu bersetuju untuk menarik balik rayuan. Seterusnya Perayu akan kemukakan permohonan ambilan balik duti import dan cukai jualan berjumlah RM69,171.19 kepada Menteri Kewangan di bawah seksyen 14(2)(b) Akta Kastam 1967. Perayu telah mengesahkan fakta tersebut dan memohon secara lisan untuk menarik balik rayuan)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

9 Jun 2014